

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2018

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah kedudukan projek dan pinjaman ECRL; dan
- (b) apakah jumlah bayaran yang telah dibuat kepada pihak kontraktor, China Communications and Construction Company.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) pada November 2017 telah memperoleh kelulusan bersyarat bagi Skim Kereta Api Fasa Kedua. Oleh itu, Sesi Pemeriksaan Awam

(*Public Inspection*) Fasa Kedua telah bermula pada 4 Disember 2017 sehingga 5 Mac 2018 manakala Pameran Awam (*Public Display*) bagi Kajian Impak Alam Sekitar (*Environmental Assessment Report*) dijalankan selama sebulan bermula dari 15 Januari 2018 sehingga 13 Februari 2018.

Permohonan pengambilan tanah di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 telah diwartakan bagi kesemua negeri yang terlibat kecuali Selangor manakala permohonan pengambilan tanah bagi Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 telah dikemukakan kepada semua negeri terlibat iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang kecuali Selangor, dan sedang di dalam proses pewartaan.

Selain itu, satu siri jelajah *Pre-Qualification* dan pendaftaran sub-kontraktor tempatan telah pun dijalankan pada Oktober 2017 yang lalu di mana 1,118 kontraktor tempatan dari Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan telah didaftarkan. Oleh yang demikian, tender-tender berkaitan kerja-kerja sivil bakal dibuka pada April tahun ini secara berperingkat kepada kontraktor tempatan yang telah berdaftar dan berkelayakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerja-kerja bagi pembinaan awal Fasa Pertama telah dimulakan melibatkan ujian tanah dan pembersihan tapak (*site clearing*). Bagi memastikan projek ECRL dapat dilaksanakan dengan lancar di setiap negeri yang terlibat, *Site Base* dan *Satellite Office* disediakan oleh kontraktor utama iaitu *China Communications Construction Company* (CCCC) yang merangkumi pejabat & fasiliti tapak serta lain-lain keperluan yang berkaitan termasuk surau bagi kegunaan para pekerja. Selain itu, persiapan bagi kerja-kerja berkaitan pembinaan terowong sedang dijalankan di Bentong.

Bagi memastikan rakyat bakal mendapat faedah secara menyeluruh, terutamanya bagi golongan belia, Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Malaysia dan *China Communications Construction Company* (CCCC) serta institusi pengajian tinggi awam, institut kemahiran dan kolej komuniti tempatan telah ditandatangani bagi merealisasikan kerjasama industri dan pihak akademik untuk Program Latihan Kemahiran Industri Projek ECRL (PLKI). Program latihan ini memfokuskan peningkatan kemahiran graduan tempatan yang berpotensi untuk diambil bekerja oleh kontraktor ECRL dan industri. Sehingga kini, seramai 49 orang pelatih kumpulan pertama berjaya menamatkan Program Professional di bawah PLKI pada Disember 2017 dan telah pun memulakan tugas mereka di MRL dan CCCC pada

Januari 2018. Manakala seramai 136 pelatih di bawah Program Kemahiran bakal menamatkan latihan pada Februari 2018. Sebanyak 3,600 anak tempatan disasarkan untuk menjalani latihan sepanjang projek ECRL dilaksanakan sekaligus memberi peluang kepada belia Malaysia memenuhi keperluan kerja dalam bidang rel dan kereta api ECRL.

Tuan Yang di-Pertua,

Kos pembinaan Projek ECRL sebanyak RM55 bilion membabitkan 85% pembiayaan melalui Pinjaman Mudah (*Soft Loan*) daripada China EXIM Bank dan baki 15% pula dibiayai melalui program SUKUK/BON yang diuruskan oleh Institusi Kewangan Tempatan. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran kepada kontraktor EPCC iaitu *China Communications Construction Company (CCCC)* adalah berdasarkan kepada kemajuan projek.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 14 MAC 2018

RUJUKAN : 10576

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendekatan yang diambil oleh Kementerian dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam usaha membanteras golongan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang masih degil dan sehingga kini sejauh mana pendekatan yang digunakan dipastikan tidak melibatkan gangguan sentimen dan terus berpandukan Peraturan Tetap Operasi (PTO).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan ke atas majikan dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang ingkar mematuhi undang-undang dan peraturan di negara ini. JIM telah melancarkan Operasi Penguatkuasaan secara besar-besaran (OPS Mega) mulai 1 Julai 2017 bagi tujuan tersebut. Operasi penguatkuasaan ini dijalankan secara berterusan tanpa henti di mana pihak majikan serta PATI yang ditangkap dalam operasi akan dikenakan tindakan tegas.

Majikan yang dikesan menggaji PATI boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan akan didakwa berdasarkan 4 kesalahan utama seperti berikut:

- a) Seksyen 55A untuk membawa masuk PATI secara tidak sah ke dalam negara;**
- b) Seksyen 55B untuk menggaji PATI yang mengenakan hukuman denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya bagi setiap orang yang diambil bekerja;**
- c) Seksyen 55E untuk membenarkan PATI masuk dan tinggal di premis; dan**

- 93
- d) Seksyen 56 (1) (d) untuk kesalahan melindungi PATI. Di samping itu, majikan juga boleh didakwa di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang Dan Penyeludupan Migran 2007 (Pindaan 2010) (ATIPSOM).

JIM telah menjalankan sebanyak 2,838 operasi penguatkuasaan pada tahun 2018 dengan jumlah tangkapan PATI sebanyak 7,225 orang dan 161 orang majikan yang didapati menggaji PATI.

Sehingga 30 Jun 2018?, mana-mana PATI boleh menyerah diri secara sukarela kepada JIM dan kembali ke negara asal mereka melalui Program Penghantaran Pulang PATI Secara Sukarela (Program 3+1). Melalui program tersebut, mana-mana PATI yang menyerah diri secara sukarela akan dikenakan kompaun sebanyak RM300 dan bayaran Pas Khas sebanyak RM100 serta dikecualikan pendakwaan untuk kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dan Peraturan-Peraturan Imigresen. Mereka juga akan disenarai hitam daripada memasuki negara untuk tempoh 5 tahun dan diambil rekod biometrik untuk rujukan JIM.

Selain itu, Program Penggajian dan Penempatan Semula Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau Program *Rehiring* telah dilaksanakan mulai 15 Februari 2016 hingga 31 Disember 2017 secara atas talian melibatkan 15 negara sumber pekerja asing.

Program ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI yang bekerja secara haram di Malaysia diberikan permit kerja yang sah bagi memenuhi sektor pekerjaan yang dibenarkan. Selain itu, Program ini turut dirangka untuk memenuhi permintaan majikan mengisi keperluan pekerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan serta membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN
BAKRI [KUDAT]**

TARIKH : 14.3.2018 (RABU)

SOALAN : 44

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan bilakah Kementerian menaik
taraf jalan luar bandar dari Simpang Bongkol ke
Telaga memandangkan terdapat banyak rungutan
berkaitan keadaan jalan ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Menaiktaraf Jalan Telaga, Pitas, Sabah telah tersenarai di bawah Senarai Keutamaan Negeri Sabah dan akan dipohon pelaksanaannya di bawah *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMKe-11) Tahun 2019. Walau bagaimanapun, kelulusan pelaksanaan adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.